

SEBUTAN KOSA KATA BAHASA MELAYU MURID LEMBAM MELALUI ANALISIS LINGUISTIK KLINIKAL

*(PRONUNCIATION OF MALAY WORDS AMONG SLOW LEARNERS
USING CLINICAL LINGUISTICS ANALYSIS)*

Siti Noridayu Abd. Nasir
noridayu87_nasir@yahoo.com

Hazlina Abdul Halim
hazlina_ah@upm.edu.my
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, Malaysia

Ahmad Shuib Yahaya
ahmadshuib@upm.edu.my
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan,
Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, Malaysia

Rohaidah Kamaruddin
rohaidah_k@upm.edu.my
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, Malaysia

Received: 30th June 2022; Accepted: 22nd September 2022; Published: 29th October 2022

Abstract

Slow learners often face issues when learning their first language. Since Malay is the functional language in Malaysia, students need to master it to facilitate the process of teaching and learning. However, poor vocabulary when speaking in the first language could affect the communication process, as seen among students who are slow learners. Therefore, this study aimed to examine the subjects' pronunciation of various Malay words using posters and identify speech errors using clinical linguistics. Subsequently, the paper discussed the link between pronunciation and B. F. Skinner's behaviourist theory of learning involving positive and negative reinforcement. Results showed that there was still incoherent pronunciation despite the subjects being 16 years old. However, after positive reinforcement, the subjects appeared more confident and spirited in pronouncing specific words correctly. The subjects also stumbled with 11 out of the 60 words tested. Standard pronunciation was also influenced by the dialects of their respective home states. On that account, continuous support and practice should be emphasised to encourage students to enunciate better. In future, this study could catalyse further research in the field of clinical linguistics on slow learners in Malaysia.

Keywords: slow learners, pronunciation, vocabulary, Malay language, clinical linguistics

Abstrak

Murid lebam lazimnya mengalami masalah dalam proses pembelajaran bahasa pertama. Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar di sekolah dan perlu dikuasai oleh semua murid atau pelajar bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu, penguasaan kosa kata yang lemah dalam pertuturan bahasa pertama menyebabkan berlakunya masalah dalam proses komunikasi seperti yang dialami oleh murid lebam. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji kosa kata dalam bahasa Melayu murid lebam menggunakan poster dan mengenal pasti kesilapan bunyi kosa kata yang melalui sebutan subjek kajian dengan aspek linguistik klinikal. Kajian ini turut membincangkan hubungan penghasilan sebutan kosa kata dengan Teori Behaviorisme Skinner dalam pengukuhan positif dan negatif. Dapatan ini menunjukkan bahawa masih terdapat penghasilan bunyi kosa kata dalam bahasa Melayu yang masih tidak jelas walaupun subjek kajian sudah menjangkau usia 16 tahun. Setelah dirangsang dengan puji, subjek kajian lebih yakin dan bersemangat untuk menyebut sesuatu kosa kata dengan betul. Subjek kajian juga bermasalah menyebut 11 daripada 60 buah kosa kata bahasa Melayu yang diuji. Selain itu, sebutan kosa kata bahasa Melayu standard juga dipengaruhi oleh dialek negeri yang digunakan oleh subjek kajian. Sokongan dan latihan yang berulang kali amat dititikberatkan agar dapat mendorong murid lebam untuk menyebut kosa kata bahasa Melayu dengan lebih baik. Kajian ini diharapkan dapat menjadi pendorong kepada kajian selanjutnya, terutamanya dalam bidang linguistik klinikal berkaitan murid lebam di Malaysia.

Kata Kunci: lebam, sebutan, kosa kata bahasa Melayu, linguistik klinikal

Pengenalan

Murid lebam merupakan individu dalam kategori Orang Kelainan Upaya (OKU) masalah pembelajaran yang dikategorikan sebagai murid berkeperluan khas. Murid lebam di Malaysia mengalami masalah dalam pemerolehan dan penguasaan bahasa yang melibatkan aspek kosa kata dalam bahasa Melayu. Kajian ini bertujuan membicarakan tentang murid lebam dalam aspek sebutan kosa kata bahasa Melayu. Hasil sebutan kosa kata tersebut dihubungkan dengan aspek linguistik klinikal. Hal ini demikian kerana masalah dalam kecacatan dan keceluaran bahasa yang melibatkan aspek fonologi sebutan kosa kata merupakan masalah yang melibatkan linguistik klinikal. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada fonologi melalui penghasilan sebutan kosa kata bahasa Melayu oleh murid lebam.

Oleh yang demikian, murid berkeperluan khas di Malaysia terbahagi kepada dua ciri, iaitu aspek fizikal dan pembelajaran. Salah satu klasifikasi murid berkeperluan khas ialah masalah dalam pembelajaran. Menurut Aizan Sofia Amin et al. (2020), masalah pembelajaran didefinisikan sebagai masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan umur biologikal. Terdapat pelbagai masalah murid yang menyebabkan murid tergolong dalam masalah pembelajaran. Lazimnya, masalah pembelajaran yang dialami oleh murid sekolah dalam aliran khas dikenal pasti oleh guru kelas. Mereka dirujuk kepada doktor pakar kanak-kanak di klinik berdekatan untuk menentukan masalah yang dialami. Oleh itu, pakar dalam bidang pediatrik mengesahkan bahawa masalah kanak-kanak tersebut untuk rujukan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi pengeluaran kad Orang Kelainan Upaya (OKU).

Kajian oleh Azizzeanna Hassan & Murni Mahmud (2018) mendapati bahawa murid yang mengalami masalah pembelajaran merupakan individu yang tidak dapat mempelajari sesuatu dalam tempoh masa yang ditetapkan. Pengkaji juga menjelaskan tentang ciri-ciri murid lembam, iaitu lambat belajar, mempunyai kapasiti kognitif yang rendah, lemah dalam pemprosesan maklumat, lemah ingatan, kurang tumpuan, sukar menumpukan perhatian, mengalami kesukaran untuk berfikir dan mendorong ke arah ketidakupayaan untuk menyatakan idea dan hilangnya perhatian. Kelemahan dalam pembelajaran membolehkan murid lembam mendapatkan kad OKU bagi membantu mereka dalam proses pembelajaran dan kelebihan lain. Mereka juga ditempatkan dalam kelas aliran khas untuk mendapat pendidikan yang bersesuaian dengan keupayaan mereka.

Mazidah Ali (2020) menerangkan bahawa guru-guru perlu bersedia untuk memberi perhatian yang serius kepada murid yang bermasalah mengenali abjad, tidak mahir membunyikan suku kata dan membaca walaupun mereka telah mengikuti pembelajaran melebihi enam bulan. Murid lembam yang mengalami masalah dalam penguasaan bahasa yang melibatkan sebutan kosa kata termasuk dalam kategori murid yang perlu diberi perhatian khusus. Oleh itu, sebutan kosa kata bahasa Melayu merupakan antara aspek penting dalam permulaan kemampuan seseorang menguasai bahasa. Bahasa menjadi penghubung utama dalam semua subjek dan proses pembelajaran di dalam kelas. Amirul Mukminin Mohamad & Zamri Mahamod (2019) menjelaskan bahawa masalah utama yang dihadapi dalam mempelajari bahasa Melayu ialah penguasaan kosa kata bahasa Melayu yang terhad serta kurangnya keyakinan semasa menjawab dalam bahasa Melayu. Bagi murid lembam pula, mereka mengalami masalah dalam pemerolehan bahasa yang memberikan kesan kepada sebutan kosa kata bahasa Melayu. Mereka kurang yakin semasa mengujarkan sesuatu perkataan. Sebutan kosa kata bahasa Melayu yang tidak jelas turut memberikan kesan kepada komunikasi yang melibatkan kefahaman. Situasi ini memberikan kesan kepada makna sebenar sesuatu kosa kata yang disebut oleh penutur.

Aspek sebutan kosa kata yang mengalami kecelaruan bahasa merupakan elemen dalam aspek linguistik klinikal. Penghasilan kosa kata bahasa Melayu seseorang penutur dikaitkan dengan aspek linguistik klinikal, iaitu melibatkan fonetik dan fonologi. Nora'azian Nahar & Fadzilah Abd. Rahman (2018) menjelaskan bahawa kemahiran bertutur perlu dibentuk semasa murid berada di sekolah rendah kerana faktor usia, jantina, persekitaran dan keadaan fizikal mempengaruhi kefasihan berbahasa Melayu. Guan & Intan Marfarrina Omar (2022) pula menjelaskan pendidikan untuk orang kurang upaya di Malaysia perlu dikembangkan kerana kebanyakannya masalah berkaitan pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif (PPI) memerlukan penyelesaian. Penguasaan kosa kata bahasa Melayu membolehkan PPI kepada murid OKU berjalan dengan baik. Dalam hal ini, teknik pembelajaran yang berkesan perlu diperkenalkan bagi membantu mengurangkan masalah pembelajaran yang dihadapi. Salah satu medium yang boleh diaplikasikan dalam pembelajaran ialah penggunaan poster sebagai bahan bantu mengajar. Bahan pembelajaran seperti poster perlu disediakan dalam bentuk yang menarik dengan gambar dan warna untuk meningkatkan minat pelajar. Nurfadillah et al. (2021) pula menjelaskan bahawa proses pembelajaran menjadi tidak membosankan sekiranya menggunakan poster yang menarik. Pembelajaran menggunakan poster memudahkan proses mengingati pelajaran dalam jangka waktu yang cukup lama.

Sorotan Kajian

Analisis dalam kajian lepas difokuskan kepada kajian yang melibatkan kosa kata bahasa Melayu, murid lembam, aplikasi dalam Teori Behaviorisme B.F. Skinner, linguistik klinikal dan penggunaan poster dalam pendidikan. Kajian lepas berkaitan sebutan kosa kata murid lembam melibatkan aspek dalam linguistik klinikal diberi penekanan. Law & Zamri Mahamod (2021) telah mengkaji tentang keberkesanannya Kahoot terhadap pencapaian murid sekolah rendah dalam pembelajaran kosa kata bahasa Melayu. Objektif kajian ini adalah bagi mengenal pasti kesan aplikasi Kahoot dalam pembelajaran bahasa Melayu. Seramai 30 orang murid dalam kumpulan kawalan didedahkan dengan kaedah konvensional dan 32 orang murid lagi merupakan kumpulan eksperimen menjalani pembelajaran melalui aplikasi Kahoot. Dapatkan kajian ini menunjukkan berlaku perbezaan yang signifikan bagi min skor ujian akhir antara kumpulan eksperimen serta kumpulan kawalan.

Nurul Afiqah Mohd Rizan & Harun Baharudin (2021) pula telah menjalankan kajian tentang tahap pengetahuan kosa kata serta kemahiran bertutur bahasa Arab pelajar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan pencapaian kosa kata dalam bahasa Arab. Sampel kajian ialah seramai 214 responden daripada 480 orang pelajar keseluruhannya. Dapatkan kajian menunjukkan pengetahuan kosa kata responden berada pada tahap sederhana tinggi dan terdapat hubungan positif yang signifikan. Ugartini et al. (2021) pula menjalankan kajian tentang analisis kesalahan bahasa dalam penulisan karangan bahasa Melayu pelajar tingkatan tiga di dua buah sekolah menengah. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis kesalahan bahasa dalam penulisan karangan bahasa Melayu pelajar Cina. Kajian ini melihat aspek ortografi, frasa, ayat dan kata. Sebanyak 30 buah karangan dianalisis dan temu bual dijalankan kepada empat orang guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu di dua buah sekolah tersebut. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kesalahan bahasa dalam penulisan karangan bahasa Melayu berlaku kerana penguasaan kosa kata yang lemah, tidak berminat mempelajari bahasa Melayu dan tidak memahami bahasa Melayu.

Kemudian, Choy & Hazura Mohamed (2020) pula menjalankan kajian berkaitan aplikasi dalam permainan matematik kepada kanak-kanak lembam. Kajian ini memfokuskan kepada teknologi dalam permainan untuk mempelajari aspek pecahan. Aspek pecahan merupakan kemahiran yang sukar dikuasai oleh murid-murid lembam. Dapatkan kajian memperlihatkan bahawa permainan matematik berbantuan teknologi dapat menarik minat murid lembam untuk mempelajari pecahan dengan menggunakan aplikasi yang menarik. Projek ini dibangunkan dengan menggunakan model ADDIE dan alat kepengarangan *Unity Adobe Photoshop CS6, Adobe Primiere Pro CC* serta pembangunan perisian *Android Kitt (SDK)*. Kajian oleh Puteri Roslina Abdul Wahid et al. (2017) menjalankan kajian tentang pembangunan kit asas membaca untuk kanak-kanak lembam. Cara ini digunakan bagi menguji Kit Asas Membaca dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) kepada kanak-kanak lembam. Kit Asas Membaca menjadikan pengajaran di dalam kelas lebih menarik serta mudah difahami. Kit Asas Membaca mengandungi aktiviti pengayaan, latihan dan buku cerita. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak lembam tidak dapat mengenal huruf dan gagal membaca dengan baik. Mereka cenderung meneka bunyi huruf dan tidak boleh membaca dengan lancar.

Kanak-kanak lembam juga tidak yakin untuk menjawab soalan dan tidak pasti untuk membezakan bentuk-bentuk huruf.

Selanjutnya, Puteri Roslina Abdul Wahid & Nur Azimah Mohd Bukhari (2016) menjalankan kajian tentang gaya pembelajaran kanak-kanak lembam. Kajian ini dijalankan bagi membincangkan gaya pembelajaran kanak-kanak lembam di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Kajian kes ini dijalankan di negeri Kelantan dengan melibatkan lima orang kanak-kanak lembam sebagai subjek kajian. Hasil kajian mendapat terdapat tiga gaya pembelajaran dalam kalangan kanak-kanak lembam. Gaya pembelajaran secara visual merupakan gaya pembelajaran yang paling dominan, iaitu sebanyak 77 peratus, manakala 65 peratus subjek kajian menunjukkan gaya belajar secara kinestetik. Gaya pembelajaran secara visual lebih dominan kerana kanak-kanak lembam dapat menguasai kemahiran memahami suku kata dan abjad. Namun begitu, penguasaan melibatkan perkataan bahasa Melayu dalam bacaan serta penulisan berada pada tahap sederhana.

Selain itu, Melita et al. (2022) pula menjalankan kajian tentang penerapan teori pembelajaran Behaviorisme B.F. Skinner dengan menganalisis artikel dalam jurnal yang diterbitkan antara tahun 2014 hingga 2020. Kajian ini membahaskan lima artikel yang menggunakan teori pembelajaran B.F Skinner. Dapatkan kajian menunjukkan penelitian yang digunakan adalah berbeza dengan pemikiran tokoh lain. Terdapat pemikiran pengarang yang sealiran dengan B.F. Skinner yang beranggapan setiap manusia bergerak untuk mendapat rangsangan dalam lingkungannya. Malah, B.F Skinner menyatakan bahawa tingkah laku murid dipengaruhi oleh persekitaran yang didedahkan kepadanya. Siti Fauziah Mohd Amin et al. (2020) menjalankan kajian tentang pembangunan modul robot M-Solat yang bersandar kepada Teori Pelaziman Operan Skinner. Kajian ini bertujuan mengenal pasti pengaplikasian konsep peneguhan positif dan negatif dalam pendidikan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa peneguhan positif boleh diimplementasikan dengan pemberian bintang, kad anugerah, pujian serta penghormatan. Bagi peneguhan negatif pula, pemberian kad penalti, teguran, nasihat, masa dan tugas tambahan berlaku semasa proses pembelajaran.

Cummings (2013) menjalankan kajian tentang linguistik klinikal dari aspek keadaan seni. Tujuan kajian dijalankan bagi memfokuskan kepada empat isu bahasa dalam linguistik klinikal. Antara topik utama bahasa adalah fonologi, sintaksis, semantik dan pragmatik. Dapatkan memperlihatkan kesesuaian teori linguistik klinikal diaplikasikan dalam masalah bahasa yang melibatkan kecatatan genetik, seperti Sindrom William yang membahaskan tentang aspek pembangunan psikologi dan bahasa. Malahan, keceluaran bahasa manusia dewasa pula melibatkan kecatatan neurologi manusia. Selain itu, teori dalam linguistik klinikal begitu signifikan dalam masalah yang melibatkan kecatatan dan bahasa manusia. Kajian oleh Perkins (2011) tentang linguistik klinikal berkaitan perkara lepas, kini dan akan datang. Kajian ini bertujuan melihat perkembangan penyelidikan dalam bidang linguistik klinikal yang kurang mendapat perhatian. Kajian ini memperlihatkan perkembangan disiplin penyelidikan linguistik klinikal sejak zaman prasantifik sehingga kini. Kajian dalam linguistik klinikal dan fonetik diterbitkan antara tahun 1987 dan 2008. Tumpuan utama kajian dalam bidang ini ialah aspek fonetik, fonologi dengan melihat aspek tatabahasa, semantik dan pragmatik. Perkembangan bidang linguistik klinikal bermula daripada aspek patologi pertuturan dan bahasa. Hasil kajian

menunjukkan pada tahun 2011 disiplin ilmu dalam bidang linguistik klinikal semakin berkembang.

Selanjutnya, Wells & Local (2009) menjalankan kajian tentang nyanyian sebagai sumber interaksi mengikut perspektif linguistik klinikal. Kajian ini dijalankan dengan melihat aspek klinikal dalam komunikasi pertuturan yang melibatkan intonasi dan rentak. Subjek kajian merupakan seorang kanak-kanak lelaki yang mengalami autisme kritis berusia 11 tahun. Dapatkan kajian memperlihatkan hasil analisis perbualan dengan responden menunjukkan wujudnya interaksi secara spontan. Oleh itu, interaksi ini digabungkan dalam satu transkripsi yang melibatkan fonetik, fonologi serta interaksi. Cara ini bagi menonjolkan persefahaman yang dicapai melalui nyanyian yang digunakan oleh subjek kajian. Kemudian, Suprihatiningsih et al. (2022) menjalankan kajian berkaitan keberkesanan penggunaan poster tentang COVID-19 dalam pembelajaran penulisan antara tahun 2020 hingga 2022 yang menyokong kajian sebelumnya oleh Djonnaidi et al. (2021). Tujuan kajian dijalankan bagi mengetahui kesan penggunaan poster dalam pembelajaran menulis perenggan pelajar di Madrasah Tsanawiyah Al-Muhajirin di Jakarta. Seramai 115 orang responden terlibat sebagai populasi kajian dan 50 orang ialah sampel bagi kajian ini. Dapatkan kajian memperlihatkan wujudnya pengaruh penggunaan poster dalam keberkesanan menulis perenggan pelajar di Madrasah Tsanawiyah Al-Muhajirin. Dapatkan kajian menunjukkan pembelajaran menulis berbantuan poster merupakan kaedah yang paling membantu dalam proses pembelajaran berbanding penggunaan instrumen konvensional.

Djonnaidi et al. (2021) telah menjalankan kajian tentang pengaruh poster digital dalam pembelajaran semasa pandemik COVID-19 terhadap kebolehan berbicara pelajar di kampus. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menghuraikan berkaitan penerapan poster digital terhadap kemampuan berkomunikasi pelajar sebuah kampus di Indonesia. Kajian ini melibatkan pelajar di Politeknik Negeri Padang yang mendaftar kursus *Speaking Practice*. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat tahap yang diaplิกasikan kepada pelajar seperti perancangan, pelaksanaan, pengamatan dan penilaian. Rubrik penilaian melibatkan aspek kelancaran, kejelasan, ketepatan, intonasi, kelantangan dan isi. Dapatkan kajian menunjukkan terdapatnya peningkatan dalam keputusan semua penilaian dan menunjukkan penggunaan poster digital berupaya membantu kemampuan untuk berkomunikasi. Menurut Intaha et al. (2020) menjalankan kajian berkaitan pengaruh pembelajaran poster dan video terhadap penguasaan kemahiran pencak silat. Tujuan kajian dijalankan bagi mengetahui pengaruh dan perbezaan pengaruh media pembelajaran poster serta video dalam menguasai ilmu pencak silat. Dapatkan kajian menunjukkan wujudnya kesan penggunaan poster dan video dalam mengintegrasikan kemahiran pencak silat dalam meningkatkan kemahiran bersilat subjek kajian.

Kesimpulannya, kajian lepas berkaitan kosa kata bahasa lebih memfokuskan kepada aspek penulisan dan bahasa asing seperti bahasa Arab. Namun begitu, dalam kajian ini hanya melihat aspek kosa kata yang memfokuskan kepada bahasa ibunda murid-murid lembam. Kosa kata bahasa Melayu dianalisis melalui sebutan yang melibatkan fonologi manusia. Kemudian, aspek linguistik klinikal pula dalam kajian lepas membincangkan tentang perkembangan bidang linguistik klinikal dalam aspek fonologi, pragmatik, sintaksis dan semantik dalam sesuatu bahasa. Bagi kajian ini, fokusnya melibatkan sebutan kosa kata bahasa Melayu dalam bidang keceluaran bahasa yang merupakan komponen linguistik klinikal. Aplikasi Teori B.F. Skinner dalam kajian

lepas telah membincangkan tentang pengukuhan positif dan negatif dalam meningkatkan motivasi dan memberikan pengajaran. Oleh itu, kajian ini juga mengaplikasikan pengukuhan negatif bertujuan untuk memberikan jawapan yang tepat dan positif bagi meningkatkan semangat murid lebam dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini merupakan analisis dekriptif yang merujuk kepada bahan ilmiah daripada buku, artikel dalam jurnal, bab dalam buku, artikel akbar, artikel majalah dan kertas seminar. Bahan kajian melibatkan penulisan ilmiah dari dalam dan luar negara serta dianalisis bagi mendapatkan maklumat berkaitan kajian terdahulu. Selain itu, kajian ini merupakan penyelidikan yang bersifat kualitatif yang mengkaji secara mendalam tentang seorang subjek kajian perempuan. Subjek kajian ini berusia 16 tahun dan bersekolah di sekolah pendidikan khas di sebuah negeri di utara tanah air. Menurut Ayuni et al. (2020), pemilihan media perlu disesuaikan dengan hasil analisis kajian lepas. Dalam kajian ini, media pembelajaran yang dipilih ialah poster dan subjek kajian didapati berminar untuk belajar dengan menggunakan poster. Poster tersebut diperolehi dengan melayari laman sesawang *Malay Language Poster*. Terdapat lima kategori poster bergambar dan berwarna menarik dipilih. Dalam pemilihan ini juga, pengkaji telah memilih poster haiwan, serangga, sayur-sayuran, buah-buahan dan perkakasan dapur. Setiap kategori poster mempunyai 12 jenis kosa kata. Subjek kajian perlu menyebut setiap kosa kata di dalam poster dan menjadikan jumlah keseluruhan kosa kata yang disoal ialah sebanyak 60 kosa kata. Sebutan kosa kata yang diujarkan oleh subjek kajian dirakam dan ditranskripsikan untuk proses analisis data. Justifikasi pemilihan poster ialah paparannya yang bergambar, berwarna, serta mempunyai saiz perkataan yang besar. Situasi ini memudahkan proses membaca, mengingat dan memberikan fokus oleh subjek kajian. Seterusnya, Nurfadhillah et al. (2021) menyatakan bahawa penerapan media yang mempunyai gambar dapat mengoptimumkan keupayaan belajar melalui penyiasatan, kelancaran pemahaman, memperkuatkan daya ingatan, meningkatkan minat belajar dan menyatakan hubung kait pembelajaran dengan objek konkret.

Data kajian ini dianalisis dengan menghubungkannya Teori Behaviorisme yang dipelopori oleh B.F. Skinner. Teori Operan B.F Skinner menjelaskan bahawa sesuatu perlakuan perlu diperhatikan dalam jangka masa yang panjang. Siri perlakuan ini membentuk satu set perlakuan yang kompleks yang asalnya terdiri daripada bentuk perlakuan yang mudah. Teori ini telah dibahagikan kepada dua aspek penting. Pertama, pengukuhan positif yang memberikan ganjaran apabila perlakuan itu ditunjukkan. Perlakuan ini diulang-ulang bagi membentuk perlakuan positif dan diperkuuhkan dari semasa ke semasa. Kedua, aspek pengukuhan negatif, iaitu rangsangan serta-merta yang berlaku. Rangsangan ini membuatkan perasaan kurang selesa atau menyakitkan selepas sejurus selepas tingkah laku ditunjukkan. Situasi ini memperlihatkan Teori Operan B.F Skinner merupakan teori yang memfokuskan kepada sesuatu tingkah laku yang memberi kesan dan impak pada masa hadapan.

Dapatan dan Perbincangan

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada tiga tema berdasarkan objektif kajian. Sebanyak 60 soalan daripada lima poster dalam bahasa Melayu yang berkaitan haiwan, serangga, sayur-sayuran, buah-buahan dan peralatan dapur diuji kepada subjek kajian. Setiap poster mengandungi 12 item yang perlu dibaca oleh subjek kajian. Objektifnya ialah untuk mengenal pasti penguasaan dan kebolehan bertutur subjek kajian yang dikategorikan sebagai murid lembam. Item kajian merupakan perkataan yang pernah dipelajari oleh subjek kajian. Perbincangan seterusnya berkaitan dengan dapatan kajian, iaitu sebutan kosa kata murid lembam, kesilapan buni kosa kata yang terhasil melalui sebutan subjek kajian dengan linguistik klinikal dan hubungan penghasilan sebutan kosa kata dengan Teori Behaviorisme B.F. Skinner.

Sebutan Kosa Kata Murid Lembam

Sebutan kosa kata dalam bahasa Melayu merupakan bahasa pertama subjek kajian yang digunakan sebagai item kajian ini. Bagi menguji sebutan kosa kata bahasa Melayu, sejumlah 60 kosa kata diuji kepada subjek kajian bagi mendapatkan data kosa kata. Terdapat lima kategori kosa kata yang diuji kepada subjek kajian, iaitu haiwan, serangga, sayur-sayuran, buah-buahan dan peralatan dapur. Jadual di bawah menunjukkan kosa kata sebutan perkataan kategori haiwan, iaitu:

Jadual 1: Kosa Kata Sebutan Perkataan Kategori Haiwan.

Bil.	Kosa Kata	Sebutan Subjek Kajian	Catatan
1.	gajah	gajah	Subjek kajian menyebut dengan baik.
2.	kuda	kuda	Subjek kajian menyebut dengan baik.
3.	kuda belang	kuda beliang	Penambahan huruf <i>i</i> pada tengah perkataan <i>belang</i> . Penggunaan dialek utara dalam sebutan <i>belang</i> .
4.	tikus	tikuhih	Penambahan huruf <i>i</i> pada tengah perkataan <i>tikus</i> . Penggunaan dialek utara dalam sebutan <i>tikus</i> .
5.	itik	itik	Subjek kajian menyebut dengan baik.
6.	zirafah	zirafah	Subjek kajian menyebut dengan baik.
7.	ular	uliaq	Berlaku perubahan sebutan dalam keseluruhan perkataan ular yang disebut <i>uliaq</i> . Perkataan <i>uliaq</i> merujuk kepada ular dalam bahasa Melayu standard.
8.	harimau	harimau	Subjek kajian menyebut dengan baik.
9.	singa	singa	Subjek kajian menyebut dengan baik.
10.	lembu	lembu	Subjek kajian menyebut dengan baik.
11.	Arnab	Arnab	Subjek kajian menyebut dengan baik.
12.	unta	unta	Subjek kajian menyebut dengan baik.

Berdasarkan jadual di atas merupakan kosa kata sebutan perkataan kategori haiwan. Subjek kajian perlu membaca satu demi satu teks yang tertera di bawah gambar setiap binatang di dalam poster. Gambar haiwan seperti “kuda”, “kuda belang”, “tikus”, “itik”, “zirafah”, “ular”, “harimau”, “singa”, “lembu”, “arnab” dan “unta” disoal kepada subjek kajian. Sebanyak sembilan nama haiwan dalam poster boleh dibaca dengan baik oleh subjek kajian. Suku kata dan kosa kata juga boleh dibaca serta disebut dengan lancar. Dalam poster ini, terdapat tiga jenis kosa kata nama haiwan yang tidak dapat dibaca dengan betul oleh subjek kajian. Sebutan “kuda belang”, “tikus”, dan “ular” dibaca pada poster, tetapi disebut dengan menggunakan pengaruh dialek utara. Kekeliruan antara pengetahuan sedia ada dan teks bacaan menjadikan subjek kajian keliru dalam memilih sebutan yang betul. Jadual 2 menunjukkan kosa kata sebutan perkataan kategori serangga, iaitu:

Jadual 2: Kosa Kata Sebutan Perkataan Kategori Serangga

Bil.	Kosa Kata	Sebutan Subjek kajian	Catatan
1.	labah-labah	labah-labah	Subjek kajian menyebut dengan baik.
2.	lipas	lipas	Subjek kajian menyebut dengan baik.
3.	belalang	belalang	Subjek kajian menyebut dengan baik.
4.	kumbang	kumbiang	Penambahan huruf <i>i</i> di tengah perkataan. Penggunaan dialek utara dalam sebutan.
5.	semut	semut	Subjek kajian menyebut dengan baik.
6.	lebah	lebah	Subjek kajian menyebut dengan baik.
7.	lalat	lalat	Subjek kajian menyebut dengan baik.
8.	kala jengking	kalang jengking	Penambahan <i>ng</i> di tengah perkataan.
9.	nyamuk	nyamuk	Subjek kajian menyebut dengan baik.
10.	ulat bulu	ulat bulu	Subjek kajian menyebut dengan baik.
11.	pepatung	pepatung	Subjek kajian menyebut dengan baik.
12.	rama-rama	rama-rama	Subjek kajian menyebut dengan baik.

Jadual 2 menunjukkan kosa kata bahasa Melayu dalam kategori serangga. Terdapat dua perkataan yang tidak dapat disebut dengan betul oleh subjek kajian, iaitu “kumbang” dan “kala jengking”. Bagi sepuluh perkataan lain dapat dibaca dengan jelas serta lancar oleh subjek kajian. Nama serangga seperti “labah-labah”, “lipas”, “belalang”, “semut”, “lebah”, “lalat”, “nyamuk”, “ulat bulu”, “pepatung” dan “rama-rama” dibaca begitu jelas dan baik. Kosa kata “kala jengking” telah disebut sebagai “kalang jengking” kerana berlaku kekeliruan apabila kosa kata tersebut panjang. Namun begitu, kosa kata “kumbang” pula menjadi “kumbiang” kerana berlaku pengaruh dalam komunikasi harian yang menggunakan dialek utara. Jadual di bawah menunjukkan kosa kata sebutan perkataan dalam kategori sayur-sayuran, iaitu:

Jadual 3: Kosa Kata Sebutan Perkataan Kategori Sayur-Sayuran.

Bil.	Kosa Kata	Sebutan Subjek kajian	Catatan
1.	cili	cili	Subjek kajian menyebut dengan baik.
2.	tomato	tomato	Subjek kajian menyebut dengan baik.
3.	bawang	bawang	Subjek kajian menyebut dengan baik.
4.	timun	timun	Subjek kajian menyebut dengan baik.
5.	lobak merah	lobak merah	Subjek kajian menyebut dengan baik.
6.	kubis	kubeh	Berlaku perubahan suku kata <i>is</i> kepada <i>eh</i> . Penggunaan dialek utara.
7.	kacang panjang	kacang panjang	Subjek kajian menyebut dengan baik.
8.	jagung	jagung	Subjek kajian menyebut dengan baik.
9.	kentang	kentang	Subjek kajian menyebut dengan baik.
10.	brokoli	brokoli	Subjek kajian menyebut dengan baik.
11.	terung	terung	Subjek kajian menyebut dengan baik.
12.	labu	labu	Subjek kajian menyebut dengan baik.

Jadual 3 menunjukkan dapatan kajian dalam sebutan kosa kata bahasa Melayu berkaitan kategori sayur-sayuran. Lazimnya, sayur-sayuran lebih mudah dikenali secara tidak formal kerana menjadi sumber makanan harian kepada subjek kajian dan keluarganya. Sebanyak 11 kosa kata dapat dibaca dengan baik oleh subjek kajian. Antara kosa kata tersebut ialah “cili”, “tomato”, “bawang”, “timun”, “lobak merah”, “kacang panjang”, “jagung”, “kentang”, “brokoli”, “terung” dan “labu”. Bagi kosa kata “kubis”, subjek kajian telah membacanya sebagai “*kubeh*” kerana berlaku pengaruh dialek utara yang digunakan setiap hari oleh subjek kajian. Kelaziman menyebut dan mengenali sesuatu item dapat membantu meningkatkan kejelasan dan keyakinan responden untuk menyebut sesuatu kosa kata bahasa Melayu dengan baik. Jadual 4 menunjukkan kosa kata sebutan perkataan kategori buah-buahan, iaitu:

Jadual 4: Kosa Kata Sebutan Perkataan Kategori Buah-Buahan.

Bil.	Kosa Kata	Sebutan Subjek kajian	Catatan
1.	durian	dereyan	Berlaku perubahan keseluruhan sebutan pada tiga suku kata. Ia dipengaruhi oleh dialek utara.
2.	anggur	anggur	Subjek kajian menyebut dengan baik.
3.	manggis	manggis	Subjek kajian menyebut dengan baik.
4.	betik	betik	Subjek kajian menyebut dengan baik.
5.	epal	epal	Subjek kajian menyebut dengan baik.
6.	nanas	nanas	Subjek kajian menyebut dengan baik.
7.	pisang	pisiang	Berlaku pertambahan huruf <i>i</i> pada tengah perkataan. Ia merujuk pisang yang disebut dalam

			dialek utara.
8.	belimbing	belimbing	Subjek kajian menyebut dengan baik.
9.	oren	oren	Subjek kajian menyebut dengan baik.
10.	strawberi	strawberi	Subjek kajian menyebut dengan baik.
11.	tembikai	tembikai	Subjek kajian menyebut dengan baik.
12.	rambutan	rambutan	Subjek kajian menyebut dengan baik.

Jadual di atas menunjukkan dapatan berkaitan kosa kata bahasa Melayu kategori buah-buahan. Dapatan kajian menunjukkan 10 kosa kata yang dapat dibaca dengan baik oleh subjek kajian. Antaranya, kosa kata “anggur”, “manggis”, “betik”, “epal”, “nanas”, “belimbing”, “oren”, “strawberi”, “tembikai” dan “rambutan”. Buah-buahan juga merupakan item yang dikenali dengan baik oleh subjek kajian melalui makanan harian dan sering disebut oleh ahli keluarga serta orang sekelilingnya. Walau bagaimanapun, terdapat dua kosa kata tentang buah-buahan yang tidak dapat disebut dengan betul oleh subjek kajian. Kosa kata bagi “durian” disebut “dereyan” yang mendapat pengaruh dialek utara. Kemudian, kosa kata “pisang” juga disebut sebagai “pisiang” yang mendapat pengaruh dialek utara. Walaupun dibaca dalam ejaan biasa, kekeliruan tetap berlaku kerana subjek kajian tidak mempunyai keyakinan semasa membaca teks kosa kata tersebut. Jadual di bawah menunjukkan kosa kata sebutan perkataan kategori peralatan dapur, iaitu:

Jadual 5: Kosa Kata Sebutan Perkataan Kategori Peralatan Dapur.

Bil.	Kosa Kata	Sebutan Subjek kajian	Catatan
1.	ketuhar	ketuhan	Penggantian huruf <i>r</i> dengan huruf <i>n</i> pada akhir perkataan.
2.	penyepit	penyepir	Penggantian huruf <i>t</i> dengan huruf <i>r</i> pada akhir perkataan.
3.	pisau	pisau	Subjek kajian menyebut dengan baik.
4.	kuali	kuali	Subjek kajian menyebut dengan baik.
5.	mangkuk	mangkuk	Subjek kajian menyebut dengan baik.
6.	garpu	garpu	Subjek kajian menyebut dengan baik.
7.	teko	teko	Subjek kajian menyebut dengan baik.
8.	periuk	periuk	Subjek kajian menyebut dengan baik.
9.	pinggan	pinggan	Subjek kajian menyebut dengan baik.
10.	sudu	sudu	Subjek kajian menyebut dengan baik.
11.	cawan	cawan	Subjek kajian menyebut dengan baik.
12.	dulang	duliang	Pertambahan huruf <i>i</i> di tengah perkataan. Berlaku penggunaan dialek utara.

Jadual di atas menunjukkan dapatan kosa sebutan perkataan kategori peralatan dapur. Item dalam poster ini merupakan barang yang terdapat di rumah subjek kajian dan subjek tahu tentang cara penggunaannya. Namun begitu, tiga kosa yang tidak dapat disebut dengan betul,

iaitu “ketuhar” disebut sebagai “*ketuhanan*”. Begitu juga, kosa kata “penyepit” yang dibaca sebagai “*penyepi*”. Kekeliruan berlaku pada hujung huruf yang dibaca dan berbeza daripada teks pada poster. Bagi kosa kata “dulang” pula disebut sebagai “*duliang*” dan mendapat pengaruh dialek utara yang digunakan setiap hari. Terdapat sembilan kosa kata yang dapat dibaca dengan lancar oleh subjek kajian. Antaranya ialah “pisau”, “kuali”, “mangkuk”, “garpu”, “teko”, “periuk”, “pinggan”, “sudu” dan “cawan”.

Hubungan Kesilapan Bunyi Kosa Kata yang Terhasil Melalui Sebutan Subjek Kajian dengan Linguistik Klinikal

Bagi objektif kajian kedua, aspek linguistik klinikal dihubungkan dengan dapatan kajian objektif pertama, iaitu berlaku kesilapan sebutan daripada kosa kata bahasa Melayu. Linguistik klinikal merupakan salah satu cabang dalam masalah yang melibatkan pemerolehan juga penguasaan bahasa murid berkeperluan khas. Murid lembam merupakan salah satu permasalahan yang terjadi melibatkan linguistik klinikal. Bidang linguistik klinikal yang merupakan cabang dalam sains pertuturan yang melibatkan patologi pertuturan dalam kalangan murid berkeperluan khas. Hasil gabungan antara linguistik dan patologi pertuturan menghasilkan bidang dalam linguistik terapan. Aspek patologi bahasa melibatkan kecelaruan dalam pertuturan yang melibatkan kosa kata, ayat dan bunyi bahasa. Malah, linguistik klinikal juga melibatkan aspek fonologi, semantik serta pragmatik dalam bahasa Melayu.

Disiplin dalam patologi pertuturan, pemerolehan bahasa dan linguistik murid lembam dibincangkan dengan mengenal pasti kosa kata yang berlaku kesilapan sebutan bahasa. Kecelaruan dalam sebutan kosa kata memperlihatkan berlakunya masalah dalam keyakinan mengujarkan sesuatu kosa kata. Pada tahap pemerolehan bahasa murid lembam yang berbeza dengan murid normal. Pada tahap usia 16 tahun, subjek kajian masih gagal mengujarkan dengan betul semua kosa kata yang diberikan dalam item kajian ini. Amelia (2016) menjelaskan bahawa kanak-kanak berkeperluan khas merupakan mereka yang lambat dalam perkembangan fizikal, kognitif dan sosial. Jadual di bawah menunjukkan kosa kata asal dan kesilapan sebutan oleh subjek kajian, iaitu:

Jadual 6: Kosa Kata Asal dan Kesilapan Sebutan oleh Subjek Kajian.

Bil.	Kosa Kata Asal	Sebutan subjek kajian	Subjek Catatan
1.	kuda belang	kuda beliang	Pertambahan vokal <i>i</i> dan pengaruh dialek utara.
2.	tikus	tikuih	Pertambahan vokal <i>i</i> dan pengaruh dialek utara.
3.	ular	uliahq	Pertukaran keseluruhan suku kata kepada dialek utara.
4.	kumbang	kumbiang	Pertambahan vokal <i>i</i> dan pengaruh dialek utara.
5.	kalajengking	kalangjengking	Pertambahan di tengah kosa kata dengan dua kosongan <i>ng</i> .
6.	kubis	kubeh	Pertambahan vokal <i>e</i> serta konsonan <i>h</i> dan pengaruh dialek utara.

7.	durian	dereyan	Pertukaran keseluruhan suku kata kepada dialek utara.
8.	pisang	pisiang	Pertambahan vokal <i>i</i> dan pengaruh dialek utara.
9.	ketuhar	ketuhanan	Pertukaran konsonan <i>h</i> daripada konsonan asal <i>r</i> .
10.	penyepit	penyepir	Pertukaran konsonan <i>r</i> daripada konsonan asal <i>t</i> .
11.	dulang	duliang	Berlaku pertambahan vokal <i>i</i> dan pengaruh dialek utara.

Jadual 6 menunjukkan terdapat 11 kosa kata bahasa Melayu yang salah disebut oleh subjek kajian. Walau bagaimanapun, subjek kajian mengalami kekeliruan dalam menyebut kosa kata “kuda belang”, “tikus”, “ular,” “kumbang”, “kala jengking”, “kubis”, “durian”, “pisang”, “ketuhar”, “penyepit” dan “dulang”. Subjek kajian membaca teks kosa kata, tetapi menyebutnya dengan sebutan berbeza kerana pengaruh dialek yang digunakan dalam komunikasi harian. Pengaruh dialek yang digunakan menyebabkan kekeliruan dalam sebutan yang menjadikan perubahan pada kosa kata bahasa Melayu. Kosa kata yang baharu dihasilkan oleh subjek kajian seperti “*kuda beliang*”, “*tikuih, uliaq*”, “*kumbiang*”, “*kubeh*”, “*dereyan*”, “*pisiang*” dan “*duliang*”. Oleh itu, terdapat lapan kosa kata yang mendapat pengaruh dialek utara. Bagi kosa kata “*kala jengking*” berlaku pertambahan konsonan “*ng*” yang mengubah sebutan kepada “*kalang jengking*”. Bagi kosa kata “*ketuhar*” telah berlakunya penggantian konsonan “*r*” kepada “*h*” yang mengubah sebutan sebenar kosa kata tersebut. Bagi kosa kata “*penyepit*” pula, ia bertukar kepada “*penyepir*” yang menunjukkan penggantian “*t*” kepada “*r*”. Oleh yang demikian, wujud kepentingan latihan yang berulang bagi membantu meningkatkan kemampuan menyebut kosa kata bahasa Melayu yang baik dalam kalangan murid lebam.

Hubungan Penghasilan Sebutan Kosa Kata dengan Teori Behaviorisme B.F. Skinner

Pemerolehan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama murid lebam mempunyai hubungan dengan teori pembelajaran behaviorisme. Teori Behaviorisme B.F. Skinner diaplikasikan dengan menghubungkan dapatan sebutan kosa kata bahasa Melayu murid lebam dengan gagasan teori tersebut. Teori Behaviorisme B.F Skinner menjelaskan bahawa tingkah laku manusia perlu dilihat melalui dua sudut. Perlakuan positif subjek kajian membolehkan perlakuan tersebut diulangi dan diperkuuhkan. Setelah subjek kajian dapat menyebut kosa kata bahasa Melayu dengan baik, maka pujian perlu diberikan. Pujian daripada pengkaji dan keluarga dapat meningkatkan semangat subjek kajian untuk terus memberikan jawapan yang betul. Keyakinan dapat ditingkatkan apabila subjek kajian menerima pujian. Walaupun tindakan membaca mengambil masa yang panjang, keyakinan dapat dibentuk melalui rangsangan positif yang berbentuk pujian. Dalam Teori Behaviorisme B.F Skinner juga dibincangkan mengenai pengukuhan negatif dalam rangsangan secara serta-merta dan rasa tidak selesa yang ditunjukkan. Sekiranya berlaku kesilapan sebutan kosa kata bahasa Melayu, pengkaji akan menyebut semula sebutan kosa kata dengan ujaran yang betul. Subjek kajian didapati tersenyum tanda malu apabila melakukan kesilapan sebutan. Subjek kajian mula menunjukkan rasa kurang yakin apabila ingin menyebut kosa kata seterusnya. Situasi ini akan memberikan kesan yang negatif dalam membentuk keyakinan subjek kajian.

Selanjutnya, Yong dan Vijayaletchumy Subramaniam (2012) menjelaskan bahawa penggunaan elemen-elemen peneguhan seperti pujian dan hadiah semasa mengajar bahasa Melayu dapat meningkatkan motivasi mereka bertutur dengan guru, rakan sekelas ataupun masyarakat. Oleh itu, pujian yang diberikan dalam peneguhan positif kepada murid lebam dalam kajian ini merupakan salah satu cara untuk memberikan keyakinan kepada mereka ialah melalui sebutan kosa kata. Malah, terdapat pelbagai cara yang boleh diaplikasikan bagi meningkatkan motivasi murid lebam untuk belajar kosa kata bahasa Melayu dengan lebih baik. Pemberian hadiah dapat meningkatkan lagi semangat murid lebam untuk belajar bahasa Melayu sebagai bahasa pertama. Oleh itu, teknik yang sesuai dan pelbagai boleh diaplikasikan bagi menarik minat murid lebam untuk belajar menyebut kosa kata bahasa Melayu.

Kajian oleh Irma Mahad et al. (2021) menjelaskan bahawa bagi memastikan sikap dan motivasi murid sentiasa berada dalam keadaan positif, guru perlu bijak menggunakan teknik dan kaedah pengajaran yang bersesuaian. Cara pembelajaran yang menarik dan tindakan positif boleh memberikan ruang yang baik dalam motivasi pembelajaran kosa kata bahasa Melayu untuk murid lebam. Sebaliknya, dalam pengukuhan negatif subjek kajian kurang memberi kerjasama, iaitu dengan menyebut kosa kata bahasa Melayu dengan kurang yakin. Seterusnya, Mohd Uzir Zubir et al. (2018) menjelaskan bahawa motivasi murid-murid semasa mempelajari bahasa agak kurang memberangsangkan kerana kurangnya semangat. Situasi ini disebabkan faktor-faktor lain yang mempengaruhi mereka mempelajari bahasa. Kesannya, motivasi untuk mempelajari bahasa menjadi berkurangan. Keyakinan dalam mengujarkan bahasa menjadi berkurangan apabila murid lebam diberikan komen tentang kesilapan sebutan kosa kata yang diujarkan oleh mereka. Situasi ini memberikan kesan yang melunturkan semangat murid lebam untuk mengujarkan kosa kata selanjutnya. Oleh yang demikian, pengukuhan negatif perlu dikawal dan digunakan secara berhemah. Teguran dan komen terhadap kesilapan sebutan kosa kata bahasa Melayu kepada murid lebam perlu diberikan dengan cara yang lebih mudah difahami. Bantuan menyebut kosa kata dengan cara yang betul dan latihan secara berulang kali dapat menghindarkan rasa malu dalam diri mereka semasa mengujarkan sebutan kosa kata.

Kesimpulan

Murid lebam dalam kajian ini didapati boleh membaca dengan baik kerana tidak mengalami sebarang ketidakupayaan fizikal. Masalah lebam boleh menyebabkan berlakunya masalah komunikasi. Dalam aspek penyebutan kosa kata, murid lebam mengalami masalah kekeliruan apabila mengujarkan kosa kata bahasa Melayu yang panjang dan mempunyai lebih daripada tiga suku kata. Suku kata tersebut mengelirukan murid lebam semasa membaca kerana kesukaran mengingat sebutan suku kata tersebut. Kemahiran menyebut suku kata merupakan kunci kepada pembelajaran membaca dan menulis. Suku kata merupakan asas kepada pembentukan perkataan dan ayat. Dalam kajian ini, pengaruh penggunaan dialek menyebabkan sebutan kosa kata bahasa Melayu menjadi tidak tepat. Sebutan kosa kata subjek kajian masih merujuk kepada maksud yang sama dalam bahasa Melayu dan menunjukkan subjek kajian mengenali objek yang disoal. Bagi murid lebam, aspek komunikasi yang digunakan adalah mengikut persekitaran mereka dan disesuaikan dengan pembelajaran formal di sekolah. Hal ini menunjukkan perlunya sokongan dan interaksi keluarga dalam pemerolehan bahasa pertama murid lebam. Hal ini

demikian kerana penggunaan bahasa Melayu yang betul penting dalam sistem pengajaran dan pembelajaran (P&P) di Malaysia. Hasil kajian ini diharapkan dapat memperkasakan lagi kualiti dalam sistem pendidikan khas di Malaysia dan dapat meningkatkan penguasaan bahasa Melayu yang menjadi bahasa pengantar dalam pendidikan. Pendidikan kepada murid berkeperluan khas perlu seiring dengan perkembangan pendidikan moden yang mementingkan pembangunan dalam pelbagai aspek.

Rujukan

- Aizan Sofia Amin, Hasanatulakhma Mat Ayu & Jamiah Manap. (2020). Perkhidmatan Sokongan bagi Keluarga yang Mempunyai Anak Masalah Pembelajaran di Luar Bandar. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 34 (3), 28-41.
- Alhaadi Ismail & Norimah Zakaria. (2019). Faktor yang mempengaruhi motivasi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid di SJKC Chung Hwa Teluk Kemang. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 7(3), 23 – 30.
- Amelia, W. (2016). Karakteristik dan jenis kesulitan belajar anak *Slow Learner*. *Jurnal Ilmu Kesihatan Aisyah*, 1(2), 53-58.
- Amirul Mukminin Mohamad & Zamri Mahamod. (2019). Penguasaan kosa kata dan pembinaan keyakinan pelajar antarabangsa dalam komunikasi bahasa Melayu melalui Kaedah Tanya-Jawab Dua Hala. *Jurnal Personalia Pelajar*, 31-38.
- Andriani, K. M., Maemonah & Ricky Satria Wiranata, R. S. (2022). Penerapan Teori Belajar Behavioristik B. F. Skinner dalam pembelajaran: Studi analisis terhadap artikel Jurnal Terindeks Sinta Tahun 2014 -2020. *Jurnal Pendidikan dan Agama Islam*, 5(1), 78-91.
- Ayuni, V. S., Munandar, H. & Junita, S. (2020). Pengembangan media poster pelestarian makhluk hidup untuk meningkatkan pengetahuan siswa Kelas IV Sekolah Dasar pada pembelajaran ipa tema 6 subtema 3. *Jurnal Ilmiah Mahasiswa Pendidikan*, 1(1), 1-14.
- Azizzeanna Hassan & Murni Mahmud. (2018). Learning motivation for slow learners with tablet technology. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 5, 201-210.
- Choy, S. Y. & Hazura Mohamed. (2020). *Aplikasi permainan pecahan Matematik untuk murid lembam*. Retrieved from PTA-FTSM-2020-105.pdf (ukm.my).
- Cummings, L. (2013). Clinical linguistic: State of the arts. *International Journal of Language Studies*, 7(3), 1-32.
- Djonnaidi, S., Wahyuni, N. & Nova, F. (2021). Pengaruh media poster digital dalam pembelajaran daring di masa pandemi terhadap kemampuan berbicara mahasiswa. *Jurnal Inovasi Teknologi Pembelajaran*, 8 (1), 38-46.
- Guan, J. L. & Intan Marfarrina Omar. (2022). Kesediaan Guru Arus Perdana dan Keberkesanan Progam Pendidikan Inklusif Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) di Ampang, Selangor. *Jurnal Kempimpinan Pendidikan*, 9(1), 44-55.

- Intaha, A. M., Saputra, Y.M. & Mulyana. (2020). Pengaruh media pembelajaran poster dan video terhadap penguasaan keterampilan pencak. *Jurnal Penelitian Pendidikan*, 20(2), 145- 153.
- Irma Mahad, Ugartini Magesvaran & Intan Nur Syuhada Hamzah. (2021). Sikap dan motivasi murid sekolah rendah terhadap pembelajaran bahasa Melayu dalam talian sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 16-28.
- Law, Y. Y. & Zamri Mahamod. (2021). Keberkesanan Kahoot terhadap pencapaian murid Sekolah Rendah dalam pembelajaran kosa kata bahasa Melayu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 90-101.
- Mazidah Ali. (2020). tahap kesediaan guru sekolah aliran perdana melaksanakan pengajaran dan pembelajaran terhadap murid bercirikan Disleksia. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru*, 54-66.
- Mohd Uzir Zubir, Rohaidah Kamaruddin & Sharil Nizam Sha'ri. (2019). Motivasi dan sikap terhadap pembelajaran Bahasa Melayu murid Tingkatan Satu (*Junior One Loyalty*), Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua. *Jurnal Kesidang*, 3, 82-91.
- Noor Aini Ahmad. (2014). Pengurusan Program Pendidikan Inklusif bagi Murid Bermasalah Pembelajaran: Kajian secara naratif inkuiri. *Management Research Journal*, 3, 38–52.
- Nora'azian Nahar & Fadzilah Abd. Rahman. (2018). Tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 74-83.
- Norfazila Ab. Hamid. (2014). Peluasan semantik kata sifat ringan: Satu analisis Model Jaringan Langacker (1988). *Jurnal Melayu*, 13, 61-71.
- Nurfadhillah, S., Aldiansyah, Aulia, P. B., Octaviana, P. & Billah, S. (2021). Penggunaan Media Poster untuk meningkatkan hasil belajar Ppkn pada siswa Sdn Cipete 4 Tangerang. *Jurnal Pendidikan dan Ilmu Sosial*, 3(2), 256-266.
- Nurfadillah, S., Saputra, T., Farlidya, T., Pamungkas, S. W., & Jamirullah, F. R. (2021). Pengembangan media pembelajaran berbasis media poster pada materi “Perubahan Wujud Zat Benda” Kelas V Di Sdn Sarakan Ii Tangerang. *Jurnal Pendidikan dan Ilmu Sosial*, 3(1), 117-134.
- Nurul Afiqah Mohd Rizan & Harun Baharudin. (2021). Tahap pengetahuan kosa kata dan pencapaian kemahiran bertutur bahasa Arab pelajar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Selangor. *International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*, 42-53.
- Perkins, M. R. (2011). Clinical linguistics: Its past, present and future. *Informa Healthcare. Clinical Linguistics & Phonetics*, 25(11–12), 922–927.

- Puteri Roslina Abdul Wahid, Nurul Haniza Samsudin & Nur Azimah Mohd Bukhari. (2017). Pembangunan kit asas membaca bagi kanak-kanak lembam. *Jurnal Mahawangsa*, 4 (1), 131 – 146.
- Puteri Roslina Abdul Wahid & Nur Azimah Bukhari. (2016). Gaya pembelajaran kanak-kanak lembam dalam pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 16(2), 323-348.
- Siti Fauziah Mohd Amin, Sabariah Sharif, Mad Nor Madjapuni & Muralindran Mariappan. (2020). Implementasi Teori Pelaziman Operan Skinner dalam Pembangunan Modul Robot M-Solat. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 5(35), 38-48.
- Suprihatiningsih, Y., Samosir, A. & Yolanda. (2022). Efektivitas media poster tentang COVID-19 dalam Pembelajaran Menulis Paragraf Persuasif (Studi pada Siswa Kelas Viii Mts Al Muhibbin Jakarta 2020-2021). *Jurnal Akrab Juara*, 7(2), 139-146.
- Triwahyuni, E., Lolongan, R. Riswan, R. & Suli, S. (2015). Peranan konsep Teori Behavioristik B. F. Skinner terhadap Motivasi dalam menghadiri persekutuan ibadah. *Jurnal Sastera Indonesia*, 4, (1), 1-10
- Ugartini Magesvaran, Zamri Mahamod, Irma Mahad & Intan Nur Syuhada. (2021). Analisis Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah San Min (Suwa) Teluk Intan (Sekolah Persendirian Cina). *International Conference on Business Studies and Education*, 44-60.
- Wells, B. & Local, J. (2009). Prosody as an interactional resource: A clinical linguistic perspective. Informa healthcare. *International Journal of Speech-Language Pathology*, 11(4), 321–325.
- Yong, C. C. & Vijayaletchumy Subramaniam. (2012). Analisis kesilapan dalam pembelajaran bahasa Melayu oleh pelajar asing. *Journal of Language Studies*, 12(2), 667-692.